



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PETRA KOMITED PERKUKUH LANGKAH MITIGASI BANJIR DI SARAWAK SECARA MENYELURUH DAN BERFASA

PUTRAJAYA, 13 MAC 2026 – Kejadian banjir yang dilaporkan pada 10 Mac 2026 di beberapa kawasan di Sarawak meliputi Kuching dan Lundu adalah susulan hujan lebat yang signifikan.

Ia melibatkan beberapa lokasi yang dikenal pasti termasuk kawasan hotspot banjir iaitu Kampung Sebat Melayu, Kampung Segong dan Kampung Sileng Melayu.

Bagi memperkukuh langkah mitigasi banjir secara menyeluruh dan berfasa di Sarawak, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sedang melaksanakan 15 projek tebatan banjir di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13, RP1) dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM3.39 bilion.

Daripada jumlah tersebut, lima (5) projek berada pada peringkat pra-pelaksanaan, tiga (3) projek sedang dalam pelaksanaan, manakala tujuh (7) projek telah siap sepenuhnya.

Di bawah RMK-12, sebanyak 453 kerja pemuliharaan sungai telah berjaya disiapkan dengan kos RM50.9 juta. Kerja-kerja ini melibatkan usaha meningkatkan kapasiti aliran sungai serta menstabilkan tebing bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan berkaitan.

Selain itu, sebanyak 548 projek kecemasan luar jangka turut dilaksanakan dengan kos RM45.3 juta bagi menangani isu kerosakan infrastruktur

sungai serta mengurangkan risiko banjir secara segera di kawasan yang terjejas.

Bagi memperkukuh lagi usaha mitigasi banjir, Kerajaan Persekutuan turut memperuntukkan sebanyak RM50 juta di bawah RMK-13 untuk melaksanakan kerja-kerja kecil pemuliharaan sungai di Sarawak. Antara skop kerja yang terlibat termasuk pengaluran sungai, pembaikan tebing runtuh serta menaik taraf aset berkaitan bagi memastikan sistem saliran dan sungai berfungsi dengan lebih cekap.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan dan kesejahteraan rakyat, PETRA bersama kerajaan Sarawak akan terus komited untuk mempertingkatkan keupayaan pengurusan banjir melalui pelaksanaan projek tebatan banjir, pemuliharaan sungai serta kerjasama berterusan dengan kerajaan negeri dan agensi berkaitan bagi memastikan keselamatan serta kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
13 Mac 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA

